

20 JUL 1999

KAMARUDDIN JAAFAR SERTAI PAS

TUMPAT, 20 Julai (Bernama) -- Bekas Ketua Umno Bahagian Tumpat Datuk Kamaruddin Jaafar yang dipecat daripada Umno mengumumkan malam ini menyertai PAS bagi meneruskan perjuangan politiknya.

Pengumuman itu dibuat di hadapan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan beberapa pemimpin Pas Kelantan dalam satu ceramah politik anjuran PAS di Kampung Tanjung Kuala, di sini.

Pada 5 Julai lepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang dipengerusikan Presidennya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil keputusan memecat Kamaruddin bersama lapan lagi anggota Umno kerana terbabit membantu dan menyertai parti pembangkang.

Kamaruddin, rakan rapat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah Pengerusi Institut Kajian Dasar, bekas Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan seorang tokoh korporat.

Beliau berkata keputusan memecatnya dengan alasan cuba meruntuhkan parti adalah tidak benar dan hanya tuduhan semata-mata.

Katanya penyertaan beliau ke dalam PAS adalah bagi meneruskan perjuangan politik beliau untuk agama dan bangsa.

-- BERNAMA

MNR RHM